



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN  
**KOD KURSUS** : DSM2073  
**PEPERIKSAAN** : APRIL 2018  
**MASA** : 2 JAM 30 MINIT

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah tanggungjawab pekerja terhadap majikan?

- A sedia bekerja pada bila-bila masa
- B termaktub dalam Akta Kerja 1955
- C sanggup berhadapan dengan pelbagai risiko
- D pekerja dianggap sebagai pakar yang akan melaksanakan tugas

2. Apakah definisi Ujian Kawalan?

- A Ujian Kawalan merujuk kepada ujian asas yang sering digunakan bagi menentukan status seseorang sebagai pekerja.
- B Ujian Kawalan adalah sebagai penambah dan pelengkap kepada sesebuah organisasi.
- C Ujian Kawalan digunakan untuk memutuskan kedudukan kontrak pekerjaan seseorang pekerja
- D Ujian Kawalan digunakan untuk pihak majikan mengawal aktiviti pekerja dari awal bekerja sehingga tamat kontrak perkhidmatannya dalam organisasi

3. Berikan maksud kontrak untuk perkhidmatan.

- A sebuah kepercayaan antara pihak majikan dan pekerja yang telah dipersetujui secara bersama.
- B penentuan hak pekerja yang terbaik sebagai pengetahuan kepada pihak majikan mengikut Akta Kerja 1955.
- C apabila organisasi menawarkan tugas khusus kepada pihak luar iaitu selain daripada pekerja mereka.
- D perjanjian yang dibuat secara lisan, bertulis, nyata atau tersirat yang seseorang bersetuju untuk menggaji individu sebagai pekerja.

4. Kenalpasti kewajipan majikan terhadap pekerja?
- i. Menyediakan upah dan wang
  - ii. Menyediakan sistem tugas yang selamat
  - iii. Menyediakan kumpulan kerja profesional
  - iv. Berhati-hati menggunakan kemahiran yang ada

- A i sahaja
- B ii dan iv sahaja
- C i dan iii sahaja
- D i, ii dan iv sahaja

5. Apakah Seksyen yang berkaitan akta kerja tentang tempoh upah?

- A Seksyen 15 Akta Kerja 1955
- B Seksyen 16 Akta Kerja 1955
- C Seksyen 17 Akta Kerja 1955
- D Seksyen 18 Akta Kerja 1955

Soalan 6 hingga 7 berdasarkan pernyataan 1 dibawah.

Pendapatan Puan Ramani bagi sebulan adalah sebanyak RM2,500. Pada bulan Mei, beliau diminta bekerja pada Hari Pekerja dengan dua jam kerja lebih masa dari waktu kerja biasa.. Waktu kerja biasa beliau adalah 8 jam sehari.

#### Pernyataan 1

6. Carikan kadar gaji sehari (ORP) beliau?
- A RM90.15
  - B RM94.15
  - C RM96.35
  - D RM96.20

7. Kirakan jumlah gaji beliau bagi sehari ketika bekerja pada Hari Pekerja?
- A RM120.15  
B RM240.30  
C RM240.00  
D RM360.46
8. Kirakan jumlah gaji yang mungkin beliau terima pada bulan Ogos?
- A RM2764.30  
B RM3768.40  
C RM2756.50  
D RM2765.50
9. Dalam keadaan bagaimakah orang muda dilarang bekerja?
- A Bekerja melebihi tujuh jam sehari.  
B Bekerja pada waktu selepas tamat waktu persekolah  
C Pekerjaan di atas kapal milik keluarganya dan di bawah jagaan keluarganya  
D Pekerjaan dalam mana-mana pusat hiburan awam mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan lesen yang dikeluarkan dibawah Akta Kerja 1955
10. Prinsip \_\_\_\_\_ adalah terpakai bagi kategori kerja yang melibatkan pekerja yang ditamatkan perkhidmatan kerana penggabungan.
- A penggunaan prinsip LIFO  
B penurunan pangkat  
C sebab salah laku  
D memberi notis

11. Mengapakah pihak Mahkamah Perindustrian tidak akan campur tangan terhadap pihak majikan yang akan membuat pertukaran tempat kerja pekerja?

- A Pertukaran adalah salah satu hak pekerja dalam organisasi pengurusan
- B Pertukaran ini tidak akan melibatkan perubahan dalam syarat kontrak perkhidmatan
- C Pertukaran ini tidak bercanggah dengan kontrak dan terma syarat perkhidmatan.
- D Pertukaran ini bukan tujuan merugikan pekerja

12. Berikut adalah **BUKAN** kategori salah laku yang sering berlaku dalam organisasi?

- i. Salah laku mengumpat
- ii. Salah laku mengarah
- iii. Salah laku peribadi
- iv. Salah laku jenayah

- A i dan ii
- B i dan iv
- C iii dan iv
- D Semua diatas

13. Dalam keadaan bagaimanakah siasatan domestik tidak perlu dilakukan

- 
- A Pekerja sudah tamat tempoh percubaan dan terdapat peruntukan dalam kontrak perkhidmatan bahawa kontraknya telah tamat
  - B Pekerja sudah ditamatkan perkhidmatan menurut seksyen 15(2) AK 1955.
  - C pekerja yang melakukan kesalahan
  - D pekerja yang melakukan kesilapan

- Makan dengan menggoda
- Jelingan yang menggoda
- Bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks

**Pernyataan 2**

14. Nyatakan jenis gangguan seksual yang bersesuaian berdasarkan pernyataan 2 di atas.

- A** Fizikal
- B** Visual
- C** Psikologi
- D** Lisan

15. Manakah antara berikut merupakan makanisme bagi menangani gangguan seksual di tempat kerja?

- i. Mendefinisikan gangguan seksual yang dengan jelas diketahui oleh pekerja  
Dan pihak pengurusan
- ii. Menetapkan peraturan disiplin dan hukuman kepada pelaku
- iii. Pihak pengurusan mengadakan prosedur aduan
- iv. Mengadakan program pencegahan dan pendidikan

- A** i dan ii
- B** i, dan iii
- C** ii, iii dan iv
- D** i, ii, iii dan iv

16. Seksyen apakah yang memperuntukan bahawa mahkamah boleh membicarakan apa-apa perbicaraan tanpa mengisi kekosongan ahli yang tidak hadir selepas mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian?
- A Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan  
B Seksyen 21(3) Akta Perhubungan Perusahaan  
C Seksyen 22(3) Akta Perhubungan Perusahaan  
D Seksyen 23(3) Akta Perhubungan Perusahaan
17. Akta manakah yang memberikan bidang kuasa kepada mahkamah perindustrian?
- A 1964  
B 1967  
C 1966  
D 1968
18. Siapakah panel yang terlibat dalam komponen Mahkamah Perindustrian?
- A Wakil rakyat, Pekerja, Majikan  
B Majikan, Pekerja, Menteri Besar  
C Ketua Kampong dan Wakil Rakyat  
D Pekerja, majikan, Presiden Mahkamah Perhubungan Perusahaan
19. Di bawah seksyen 69B, iaitu bidang kuasa Ketua Pengarah di bawah seksyen 69(1)(a) diluaskan untuk meliputi pekerja yang bergaji \_\_\_\_\_
- A Melebihi RM1,500 hingga RM2,200 sebulan  
B Melebihi RM2,000 hingga RM3,000 sebulan  
C Melebihi RM2,550 hingga RM4,000 sebulan  
D Melebihi RM2,000 hingga RM5,000 sebulan

20. Dalam tempoh berapa jamkah pekerja perlu melaporkan kepada majikan tentang cuti sakit?

- A 48 jam
- B 36 jam
- C 24 jam
- D 12 jam

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Terangkan **empat (4)** had waktu yang mana golongan muda yang tidak boleh disuruh dan dibenarkan bekerja .

(8 markah)

- b. Terangkan maksud kegiatan perusahaan menurut seksyen 2(1), Akta Kerja 1955 .

(2 markah)

**SOALAN 2**

Jelaskan perbezaan penempatan dengan kenaikan pangkat terhadap pekerja baru dalam organisasi?

(10 markah)

**SOALAN 3**

Huraikan jenis-jenis salah laku berikut:

- i. Salah laku lepas
- ii. Salah laku berulang
- iii. Salah laku jenayah
- iv. Salah laku peribadi
- v. Salah laku provokasi

(10 markah)

**SOALAN 4**

Abu bekerja dengan Syarikat Berani Sdn. Bhd. Abu telah terlibat dalam pergaduhan dengan salah seorang pekerja Syarikat di Restoran Alibaba. Abu telah ditangkap dan dibicarakan di Mahkamah Majistret dan Majistret mendapati Abu bersalah serta telah menjatuhkan hukuman terhadap Abu.

Syarikat Berani telah mengeluarkan suatu Surat Tunjuk Sebab terhadap Abu atas dakwaan terlibat dengan salah laku berat yang bertentangan dengan Garis Panduan Am dan Kod Etika Syarikat kerana Abu terlibat dengan suatu pergaduhan dengan seorang lagi pekerja Syarikat di tempat awam.

Suatu Siasatan Dalaman (SD) telah dijalankan oleh Syarikat terhadap Abu dimana Panel SD mendapati Abu bersalah atas tuduhan yang dikenakan oleh Syarikat dan Syarikat kemudiannya memecat Abu.

Abu membantah atas pemecatan beliau kerana beliau merasakan pemecatannya telah dibuat dengan salah dan tidak adil terhadap beliau. Ini disebabkan kerana pergaduhan tersebut berlaku diluar daripada waktu kerja dan bukan di dalam premis Syarikat Berani. Abu mahu mengambil tindakan undang-undang bagi membantah pemecatan beliau.

Anda diminta untuk memberikan nasihat kepada Syarikat Berani berdasarkan kepada peruntukan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan dan kes-kes yang berkaitan.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Puan Zaimah mula bekerja dengan Maju Padu Company bermula 1 Feb, 2016. Beliau telah berkhidmat selama sembilan bulan.
- I. Adakah Puan Zaimah layak mendapat sebarang cuti tahunan jika beliau hanya bekerja kurang daripada satu tahun? Jelaskan jawapan anda berdasarkan kepada peruntukan di dalam Akta Kerja 1955. (4 markah)
- II. Kirakan jumlah cuti tahunan yang beliau layak dapat serta pengkadaran yang diambil kira sekiranya.
- (a) Kiraan hari kurang dari setengah hari. (1 markah)
- (b) Puan Zaimah hanya berkhidmat selama 7 bulan dan 24 hari. (3 markah)
- b. En. Zamri mempunyai baki cuti tahunan selama 8 hari apabila beliau mengemukakan perletakan jawatannya. Gaji bulanan terakhir beliau ialah RM3200.
- I. Nyatakan sama ada En. Zamri layak mendapat sebarang cuti tahunan jika beliau meletakkan jawatannya sebelum beliau mengambil sebarang cuti berkenaan. (2 markah)
- II. Kirakan jumlah bayaran cuti tahunan yang beliau layak. (4 markah)

- c. Puan Sofea telah bekerja dengan Syarikat AZ selama 3 tahun secara berterusan tanpa mengambil sebarang cuti tahunan. Gaji tahunan terakhir ialah sebanyak RM3,500.00. Beliau telah dibuang kerja akibat kegawatan ekonomi baru-baru ini. Kirakan berapa banyaknya pampasan pembuangan kerja yang diperoleh oleh Puan Mariam?

(6 markah)

## SOALAN 2

- a. En. Ali telah bekerja dari 8 pagi hingga 7 petang pada Hari Kebangsaan. Waktu biasa ialah daripada jam 7 pagi hingga ke jam 5 petang. Gaji bulanan En. Ali ialah RM2,220.

- I. Kirakan gaji yang harus diterima oleh En. Ali pada hari Pekerja berkenaan?

(7 markah)

- II. Kirakan gaji yang harus diterima oleh En. Ali pada bulan berkenaan?

(3 markah)

- b. En. Zamani merupakan seorang kerani, beliau dikehendaki oleh pihak majikan supaya bekerja lebih masa pada hari rehat. Gaji sebulan adalah sebanyak RM2200. Waktu kerja En. Zamani adalah lapan jam sehari dan beliau bekerja lebih masa selama 3 jam.

- I. Kirakan berapa kadar gaji En. Zamani pada hari berkenaan?

(7 markah)

- II. Kirakan berapa kadar gaji En. Zamani pada bulan berkenaan?

(3 markah)

**SOALAN 3**

- a. Menurut kod amalan gangguan seksual di tempat kerja, gangguan seksual bermaksud sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai suatu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual psikologi atau fizikal. Huraikan **lima (5)** kesan gangguan seksual berkenaan kepada pekerja.

(10 markah)

- b. Menurut kod amalan pihak pengurusan hendaklah menyediakan mekanisma domestik bagi mencegah, menangani dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja. Terangkan **lima (5)** cara menangani gangguan seksual di tempat kerja seperti yang telah disarankan oleh Kod Amalan berkenaan.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



